

PRINSIP TOLERANSI BERAGAMA DALAM ISLAM ASAS KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJMUK

Muhamad Amar Mahmad¹
Mohd Nizho Abdul Rahman
Azman Md Zain

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Mahmad, M. A., Rahman, M. N. A., & Zain, A. M. (2018). Prinsip Toleransi Beragama Dalam Islam Asas Keharmonian Masyarakat Majmuk. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 69 - 79.

Abstrak: Fenomena konflik agama yang sering berlaku adalah disebabkan oleh ketidakfahaman secara tuntas tentang isu sensitiviti yang wujud dalam setiap agama. Dalam menangani suasana yang tidak harmoni ini maka para sarjana telah bersepakat bahawa toleransi dalam beragama merupakan penawarnya. Justeru Islam sangat mengambil kira dalam hal ini selari dengannya yang bersifat syumuliah. Iaitu merangkumi semua aspek dan lapangan, termasuk dalam hal yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia walaupun berlainan agama, bangsa dan bahasa. Islam sangat mementingkan keharmonian supaya ianya senantiasa terjaga dan melarang daripada unsur-unsur yang boleh membawa kepada kekeruhan dan keretakan di dalam perhubungan tersebut. Punca utama yang membawa ke arah bibit-bibit perpecahan ini adalah sikap etnosentrisme dan egoisme yang menebal dikalangan setiap etnik. Sekiranya setiap etnik tidak mengurus emosi dengan baik, suasana yang keruh akan meletus pada bila-bila masa sahaja sebagaimana yang telah berlaku di negara-negara timur tengah dan sebagainya. Artikel ini cuba untuk menyoroti prinsip toleransi yang digariskan di dalam Islam ke arah melahirkan rasa muhibbah di dalam negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Metode yang diguna pakai dalam penulisan artikel ini ialah penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran terpilih dan sokongan daripada beberapa pandangan sarjana yang ada hubung kait dengan subjek kajian. Sorotan dan analisis ini mendapati prinsip toleransi di dalam Islam sangat relevan untuk diterapkan khususnya dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama dan bahasa.

Kata Kunci: Prinsip, Toleransi Beragama, Islam, Majmuk.

¹ Muhamad Amar bin Mahmad, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falasafah Universiti Utara Malaysia, email: m.amar@uum.edu.my.

The Principle of Religious Tolerance in Basic Islam Harmony of Plural Society

Abstract: Religious conflict phenomenon happens is caused by a miscomprehension totalled about issue sensitivity that exists in every religion. In dealing with this unconventional atmosphere, scholars have agreed that tolerance in religion is the cure. Hence Islam takes a great deal of consideration in this regard in parallel with it which is syllable. That includes all aspects and fields, including those relating to human relationships in spite of the different religions, races and languages. Islam is very concerned with harmony so it is always awake and forbid from elements that can lead to turbidity and fracture in the relationship. The main cause that leads to these split seeds is ethnocentrism and egoism that is thickened among every ethnic group. If every ethnicity does not manage the emotions well, the murky atmosphere will erupt at any time as has happened in the Middle East and so forth. This article attempts to highlight the principle of tolerance outlined in Islam towards generating inner goodwill composed of plural society. The method used in the writing of this article is the study of selected Quranic verses and the support of some of the scholarly views that are related to the subject of study. This highlight and analysis found that the principle of tolerance in Islam is very relevant to be applied, especially in the Malaysian context of racial, religious and linguistic diversity.

Key Words: Principle, Religious Tolerance, Islam, Plural

Pengenalan

Islam adalah agama samawi yang bukan hanya merangkumi aspek hubungan dengan pencipta semata-mata bahkan hubungan sesama makhluk termasuk manusia sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran surah ali Imran (3:112). Mustahaknya hubungan sesama manusia sehinggakan Allah SWT secara jelas telah meletakkan beberapa asas sebagai panduan terutama apabila menjalani kehidupan dalam suasana masyarakat majmuk. Kecelaruan yang boleh membawa kepada pertumpahan darah boleh berlaku sekiranya aspek-aspek yang berkaitan dengan sensitiviti tidak dihiraukan oleh setiap etnik yang mendiami sesebuah negara khususnya dalam konteks Malaysia. Sesetengah negara telah berlaku pembunuhan secara *genocide* seperti di Ambon, Rwanda dan Indonesia. Namun begitu, negara Malaysia masih lagi dalam keadaan terkawal walaupun ada beberapa insiden pernah berlaku seperti peristiwa Kampung Medan dan peristiwa 13 Mei 1969 yang merupakan sejarah hitam negara.

Jika dilihat kepada ajaran yang terkandung di dalam Islam semuanya menjurus ke arah mewujudkan suasana yang selamat, aman dan sejahtera. Sebab itu, peperangan adalah merupakan jalan terakhir sekiranya proses perdamaian tidak tercapai di antara dua pihak yang bertelagah. Bahkan sekiranya berlaku juga peperangan, Islam sekali lagi menetapkan etika-etika tertentu supaya tidak wujudnya unsur-unsur kezaliman dan penganiayaan.

Latar Belakang Masyarakat Majmuk di Malaysia

Negara Malaysia adalah salah sebuah negara yang unik kerana di dalamnya terdiri daripada masyarakat yang mempunyai multi-rasial, multi-agama, multi-bahasa dan sebagainya. Sejarah perubahan landskap negara yang berubah menjadi masyarakat majmuk adalah bermula sejak

kedatangan penjajah ke Tanah Melayu dengan memperkenalkan dasar 'pintu terbuka' yang seluas-luasnya kepada imigran Cina dan India. Matlamat yang paling penting dasar ini diperkenalkannya adalah untuk memenuhi kehendak mereka bagi mengaut hasil mahsul dengan menjadikan orang Cina dan India sebagai buruh dan pengusaha (Khairi Ariffin et. al, 2000).

Dalam masa yang sama, British menggunakan dasar pecah dan perintah '*Divide and Rule*' bagi membolehkan mereka mengekalkan *survival* di Tanah Melayu dengan lebih lama. Menurut Alvin Rabushka (1973) ternyata dasar ini mendatangkan manfaat kepada mereka dengan menggunakan kaedah spesialisasi (pengkhususan) pekerjaan, segregasi (pengasingan) kediaman, pemisahan proses sosialisasi dan mobility dan isolasi (pemencilan) budaya.

Kehadiran imigran Cina ke Tanah Melayu adalah sebagai pelombong bijih timah dan emas (Leong, 2003). Kemasukan mereka telah bertambah setiap tahun sehingga menjelang tahun 1931, jumlah imigran Cina mencecah angka 663,518 orang di Negeri-negeri Selat, 711, 540 orang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan sejumlah 330, 857 orang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (INTAN, 1992). Manakala kemasukan imigran India ke Tanah Melayu telah bermula sejak 1840-an untuk bekerja sebagai buruh di ladang tebu dan kopi di kawasan Seberang Prai. Selain itu juga mereka ditugaskan untuk bekerja sebagai kerani, pembantu hospital, dan kakitangan kereta api. Menjelang abad ke-20 pertambahan mereka semakin mendadak sejajar dengan pembukaan ladang dan estet secara meluas (Ibid, 1992).

Rentetan daripada itu, pertambahan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu semakin mendadak ekoran daripada pelbagai kaedah dan strategi yang telah diperkenalkan oleh penjajah bagi menarik minat mereka. Dalam masa yang sama, penjajah memberikan pelbagai kemudahan serta tidak mengenakan kawalan ketat untuk golongan imigran dan dalam masa yang sama penjajah memberikan jaminan keselamatan kepada mereka. Di samping itu faktor penarik di Tanah Melayu dan faktor penolak di negara asal juga telah menjadi faktor kepada golongan ini untuk berhijrah ke Tanah Melayu.

Jika dilihat suasana di Tanah Melayu pada masa itu, bukan hanya imigran yang datang daripada tanah besar China dan India sahaja malah ada sebahagiannya datang daripada negara jiran seperti Indonesia dan Filipina. Ekoran daripada itu, suasana Tanah Melayu semakin hari semakin kompleks kerana wujudnya kepelbagaian dalam semua aspek.

Justeru untuk membolehkan hubungan dikalangan etnik tidak menjadi tegang maka isu-isu yang sensitif seperti isu keagamaan harus diberi perhatian sewajarnya. Sikap toleransi khususnya dalam isu tersebut perlu dijadikan keutamaan oleh setiap etnik. Dalam konteks Islam, hal ini sangat dititikberatkan untuk menjaga keharmonian setiap kaum sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah di dalam al-Quran dan secara praktikalnya telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW semasa baginda memerintah negara Islam pertama di Madinah.

Konsep Toleransi Beragama

Secara etimologi, toleransi berasal daripada perkataan Latin iaitu *tolerare* (David G. Gularnic, 2011). Istilah tersebut dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *tolerance* bererti bersikap dengan sifat sabar (Hawkins et.al, 2004). Dalam The New International Webster Comprehensive Dictionary of The English Language (1996) memaksudkan dengan menahan perasaan dalam diri tanpa protes (to endure without protest).

Dalam Bahasa Arab pula, istilah toleransi dalam kamus Lisan al-Arab dikenali sebagai *tasammuh* yang membawa maksud saling mengizinkan, saling memudahkan, murah hati, ramah dan lapang dada. Dalam kamus al-Muhit, Oxford Study Dictionary English-Arabic (2008) memberi erti *tasahul* iaitu memudahkan. Manakala menurut Kamus Dewan, toleransi bererti sedia menghormati pendapat orang lain yang berbeza daripada pendapat sendiri. Di samping itu toleransi adalah merujuk kepada sifat (sikap) toleran.

Pada pandangan Michael Wazler (1997) toleransi merupakan kenescayaan dalam ruang individu dan ruang umum untuk mewujudkan suasana aman (*peaceful coexistence*) dikalangan masyarakat pelbagai yang terdiri daripada perbezaan latarbelakang sejarah, budaya dan identiti. Menurut Zaki Badawi (1982), *tasammuh* (toleransi) adalah sikap yang wujud dalam diri manusia untuk bersedia menerima pendapat dan pandangan yang pelbagai walaupun tidak sama dengannya. Justeru, toleransi beragama secara umumnya merujuk kepada kesediaan untuk menerima pelbagai jenis agama dan kepercayaan dalam hidup masyarakat multi-etnik untuk diamalkan, tetapi tidak mengakui bahawa ianya adalah benar atau sama dengan Islam.

Menurut Qaradhawi dalam *Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama' Al-Islami* (1992) telah memberi penafsiran konsep *tasammuh* dalam konteks yang lebih luas dan mencapah. Menurutnya *tasammuh* merujuk kepada kemuliaan terhadap sesama manusia walaupun berbeza agamanya, kebangsaannya dan kerukunannya. Selain itu, menurutnya juga *tasammuh* boleh diertikan dengan keyakinan bahawa Allah S.W.T memerintahkan untuk berlaku adil dan dalam masa yang sama mengajak mereka kepada berbudi pekerti mulia meskipun kepada orang musyrik.

Manakala menurut Umar Hasyim (1997), toleransi yang dikemukakannya lebih menyeluruh. Menurutnya toleransi boleh diertikan sebagai memberi kebebasan kepada semua manusia atau kepada semua warga masyarakat untuk menjalankan kehidupan beragamanya atau aturan hidupnya dalam menentukan nasibnya masing-masing, selagi mana dalam proses tersebut tidak melanggar dan tidak bertentangan dengan syarat-syarat asas terciptanya ketertiban dan perdamaian masyarakat.

Justeru, toleransi beragama boleh disimpulkan sebagai bertolak ansur dalam membenarkan penganut-penganut agama lain menganut agama mereka secara bebas tanpa ada halangan. Namun begitu, sebagai seorang muslim tidak boleh sesekali membenarkan dan meyakini bahawa agama selain Islam itu adalah benar atau sama dengan agama Islam.

Prinsip Toleransi Beragama Di Dalam Al-Quran

Islam adalah agama yang lengkap dan suci murni. Al-Quran dan hadis merupakan sumber utama di dalam kehidupan manusia agar manusia dapat hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera. Sekiranya kedua-dua sumber ini dijadikan asas di dalam mengatur kehidupan manusia sebagai khalifah, sudah tentu tidak akan timbul kecelaruan dan kekusutan khususnya berkaitan dengan kehidupan bernegara. Islam melihat makhluk yang bernama manusia, adalah semulia-mulia makhluk berbanding dengan makhluk lain walaupun mereka tidak beragama Islam sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Isra' (70:17).

Lantaran itu, unsur-unsur yang menjuruskan kepada perkauman dan sensitiviti agama perlu dielakkan kerana implikasi yang cukup besar boleh berlaku. Justeru dalam hal ini, Islam telah menggariskan beberapa prinsip beragama yang bersifat toleran seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran patut dijadikan pedoman. Prinsip-prinsip beragama tersebut adalah:

Kebebasan beragama

Setiap manusia diberi kebebasan untuk memilih agama dan pegangan hidup masing-masing sebagai tuntutan fitrah semulajadi. Namun begitu, Islam memberi penegasan bahawa Islam adalah agama yang benar dan diterima oleh Allah tetapi tiada paksaan dalam menetulkannya. Pada peringkat antarabangsa, pengiktirafan diberikan kepada kebebasan beragama menerusi Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 (UDHR 1948) serta Waad Antarabangsa Berkaitan Hak Sivill dan Politik 1966 (ICCPR 1966). Boleh dikatakan sebahagian besar negara di dunia ini memberi peruntukan untuk kebebasan beragama di dalam negara mereka. Dalam konteks Malaysia pun ada peruntukan iaitu perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa Islam adalah agama rasmi bagi persekutuan. Walaubagaimanapun agama-agama selain Islam boleh diamalkan di mana-mana sahaja dalam persekutuan ini. Dalam perkara 11 (1), Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukan bahawa:

“Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.”

Ini jelas menunjukkan bahawa peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia pun selari dengan apa yang dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran. Keluasan ini menunjukkan setiap manusia boleh menentukan jalan hidup tanpa ada pemaksaan terhadap mereka. Allah S.W.T berfirman:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ
بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢٥٦

Maksudnya: “Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. kerana itu Barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, Maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang amat kuat yang tidak akan putus. dan Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.” (al-Baqarah 2: 256)

Berdasarkan kepada penafsiran oleh al-Maraghi (1946), agama Islam tidak perlu kepada pemaksaan kerana ianya merupakan agama yang terdapat padanya pelbagai petunjuk dan kebahagiaan. Sedangkan agama selain daripada islam perlu kepada pemaksaan untuk menarik seseorang supaya meminati agama tersebut kerana wujudnya kesesatan dan bersifat melampau. Penafsiran yang hampir sama telah dinukilkan oleh Ibn Kathir dalam *Tafsir al-Qur'an al-Adzim* (1997) dengan menjelaskan bahawa sebarang bentuk pemaksaan dilarang sama sekali untuk memeluk agama Islam. Hal ini kerana, agama Islam adalah agama yang sudah terang dan jelas tentang kebenarannya tanpa perlu kepada penjelasan secara terperinci. Sekiranya seseorang itu dipilih oleh Allah untuk dicampakkan hidayah, maka sudah tentu tidak ada agama lain yang akan menjadi pilihan hatinya. Sebaliknya, bagi mereka yang hatinya dilitupi dengan kegelapan dan kekufuran mereka tetap dengan agama asalnya meskipun diberikan dengan seribu satu dalil.

Menurut Hamid Fahmy Zarkasyi (2011) sekiranya kita memaksa orang bukan Islam memeluk Islam, akan membawa kesan yang lebih buruk dan dibimbangi keislaman mereka pula tidak boleh kekal lama. Hal ini kerana perbuatan tersebut bukan dengan kehendak hatinya dan kerelaannya. Menurutnyanya lagi, ayat tentang larangan memaksa dan membenci golongan tersebut secara umumnya terdapat lebih kurang 40 tempat di dalam al-Quran.

Dalam pada itu, Hamka (1980) menegaskan bahawa dilarang melakukan sebarang bentuk pemaksaan dalam mengajak manusia kepada memeluk Islam. Seharusnya, mereka perlu kepada pendekatan dengan mengajak supaya merenung dan berfikir tentang kejadian alam semesta ini yang tiada tandingan. Sekiranya kaedah ini digunapakai dengan sebaiknya oleh para pendakwah, sudah tentu tidak ada agama lain yang mereka akan pilih kecuali agama Islam.

Dalam hal ini, kebebasan untuk beragama dan menentukan hala tuju pegangan mereka adalah hak masing-masing. Namun begitu, Islam telah menyatakan dengan tegas bahawa pemaksaan seseorang untuk menganut agama Islam merupakan suatu larangan dan dalam masa yang sama boleh menjatuhkan imej Islam itu sendiri. Sekiranya individu itu telah memeluk Islam barulah disitu akan ada suatu bentuk pemaksaan yang patut diikuti dan dihormati selaku penganutnya seperti ada hukum halal, haram, wajib dan sebagainya.

Di larang mencaci sembah agama lain

Islam melarang penganutnya mencerca, menghina dan merendah-rendah sembah agama lain kerana boleh menimbulkan kemungkarannya yang lebih besar bahkan boleh membuka ruang untuk membolehkan penganut agama lain mencerca Islam dan Allah. Para ulama menyatakan bahawa tegahan ini adalah berdasarkan kepada kaedah *sad al-dharai'* iaitu pencegahan awal sebelum kesucian Islam dan Allah itu diperkotak-katikkan. Kaedah ini pada akhirnya akan membawa *masalah* dan menutup kepada pintu kemusnahan atau kerosakan (Muhammad Baltaji Hasan, 2000). Dalam hal ini Allah S.W.T berfirman dalam al-Quran:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ
عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ١٠٨

Maksudnya: “Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan Setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitakannya kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.” (al-An’am 6: 108).

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Ibnu Qayyim (1990), Allah melarang umat Islam mencela sembah orang musyrik dengan pencelaan yang keras atau sampai menghina secara terang-terangan kerana hal ini akan membawa kepada perasaan ingin membalas dendam dengan mencela Allah dan rasulnya.

Menurut al-Qurtubi (1993) di dalam tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, menjelaskan bahawa para ulama melarang daripada mencerca sembah non-Muslim selagi mana mereka tidak menghina Islam, Nabi dan Allah. Justeru, dilarang sama sekali kepada setiap muslim

untuk mencerca salib mereka atau agama mereka atau gereja mereka. Ekoran daripada perbuatan negatif seperti itu boleh menjurus ke arah menggalakkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

Antara hadis yang melarang supaya meninggalkan kemaslahatan yang kecil demi menghindari kerosakan yang lebih besar seperti:

إِنَّ مِنْ أَكْبَرِ الذَّنْبِ أَنْ يَسُبَّ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ، قَالُوا: وَكَيْفَ يَسُبُّ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ؟ قَالَ: يَسُبُّ أَبَا
الرَّجُلِ فَيَسُبُّ أَبَاهُ، وَيَسُبُّ أُمَّهُ، فَيَسُبُّ أُمَّهُ

Maksudnya : “Termasuk dosa besar adalah orang yang mencaci ayah dan ibunya.”

Hadis ini menerangkan bahawa seseorang yang mencaci ibu bapa seseorang, nanti mereka yang ibubapanya dicaci tersebut akan membalas cacian kepadanya (Musnad Ahmad & Shahih al-Bukhari).

Dalam konteks ini, sembah atau peribadatan agama lain tidak boleh direndah-rendahkan dengan mengejek dan melakukan sebarang bentuk pengkhianatan kepadanya. Kita sebagai rakyat yang hidup dalam masyarakat majmuk harus akur dengan kepelbagaian peribadatan yang berbeza-beza. Keharmonian akan kekal utuh, sekiranya aspek ini diberi perhatian yang sewajarnya. Ini kerana isu agama adalah isu yang sangat sensitif yang boleh meranapkan segala perpaduan yang telah dibina selama ini sekiranya tidak diurus dengan baik.

Batasan berkompromi dalam aspek agama

Dalam aspek duniawi, Islam sangat menggalakkan umatnya supaya bertoleransi dengan semua manusia walaupun berbeza aqidah dan kepercayaan. Namun dalam hal yang berkaitan dengan ukhrawi tidak ada walaupun satu ayat al-Quran atau sebuah hadis nabi yang menyatakan supaya bersikap dengan sedemikian. Bahkan Allah dengan tegas menyatakan di dalam firmanNya:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ، لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ، وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا
عَبَدْتُمْ ، وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ . لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۖ

Maksudnya :“Katakanlah: "Hai orang-orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku." (al-Kafirun 109 : 1-6)

Berdasarkan kepada surah ini, At-Tobari (2001), menjelaskan bahawa keseluruhan ayat ini adalah bermaksud untuk menyembah Allah semata-mata. Menurutnya lagi, ayat terakhir di dalam surah al-Kafirun pula adalah suatu bentuk penegasan oleh Rasulullah kepada orang Musyrik bahawa wujudnya perbezaan yang ketara dari sudut penyembahan kepada tuhan.

Menurut ibn Kathir (1997) surah ini menunjukkan bahawa, Allah s.w.t telah memberi kebebasan diri kepada orang yang beriman supaya dilarang mempunyai sifat berbelah bahagi

dengan perbuatan ibadah orang-orang Musyrik dan orang kafir. Menurutny, sebab turun ayat ini adalah orang musyrik meminta Rasulullah supaya berkompromi dalam menyembah tuhan iaitu setahun menyembah tuhan mereka dan setahun kemudian pula mereka menyembah Tuhan Muhammad s.a.w.

Sebagai umat Islam yang sejati, apabila mendepani isu-isu global seharusnya tidak menjual agama demi untuk mengekalkan survival dalam politik. Hal ini kerana hanya agama Islam sahaja yang diredhai oleh Allah sehingga kiamat sebagaimana firmanNya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama (yang diredhai) disisi Allah hanyalah Islam” (ali-Imran 3:19).

أحب الدين إلى الله الحنيفية السمحة

Maksud: “Agama yang paling dicintai disisi Allah ialah adalah agama yang lurus dan toleran (Riwayat Bukhari).”

Islam tidak menganjurkan supaya bersikap “*rigid*” dan “*double standard*” terhadap agama dan penganut lain. Bahkan Islam memastikan supaya berlaku adil dan saksama kepada sesiapa sahaja termasuk yang berlainan agama dan kepercayaan sebagaimana tertera di dalam surah an-Nahl (16: 90). Sikap terbuka ini mampu untuk menarik minat penganut agama lain untuk mendekati Islam secara perlahan-lahan dengan lebih mendalam lagi. Namun begitu dalam konteks akidah dan kepercayaan Islam melarang sama sekali kepada umatnya memberi muka dan “*counting*” dengan mereka hanya semata-mata untuk menjaga hati dan perasaan mereka.

Memberi penghormatan yang sewajarnya

Islam melarang sama sekali untuk menghina atau mengherdik seseorang yang berbeza dari sudut akidah dan kepercayaan. Malahan di dalam Islam mengkhianati dan menzalimi binatang dikira sebagai dosa apatah lagi merendah-rendahkan martabat sebagai seorang manusia walaupun berlainan dengan kita sebagai seorang Muslim. Seheinggakan Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

Maksudnya: “dan Sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.” (al-Isra’ 17: 70).

Berdasarkan kepada ayat ini jelas menunjukkan Islam menganjurkan supaya memuliakan manusia yang sama sekali tidak seakidah dengan kita. Al-Qurtubi (1993) mentafsirkan ayat tersebut dengan menjelaskan semua manusia tidak kira apa bangsa, agama, bahasa, budaya dan sebagainya semuanya diciptakan oleh Allah dengan penuh keistimewaan berbanding makhluk lain. Menurutny lagi al-Quran telah menggunakan kalimah *karrama* yang menandakan suatu

kalimah *tadh'if* (berganda) pada huruf ro'. Kalimah ini merupakan wazan *faa'la*. Bererti Allah menjadikan dengan sebenar-benar kemuliaan, keagungan, dan keutamaan untuk manusia. Kemuliaan ini termasuk dari sudut rupa paras manusia dan diberikan kemudahan di darat dan di laut untuk perhubungan manusia dari satu tempat ke tempat yang lain tanpa mengira jenis bangsa sekalipun.

Setiap individu yang mendiami negara Malaysia khususnya, harus menerapkan rasa kehormatan terhadap orang lain yang sama sekali berbeza dengan kita dari sudut bahasa, bangsa, keturunan dan sebagainya. Nilai-nilai ini patut dipupuk sejak dari bangku sekolah lagi supaya apabila berada dalam lapangan yang lebih luas pada masa akan datang mereka tidak akan berasa kekok dan janggal. Sekiranya mereka sudah menyelami hal tersebut, maka tidak timbul perasaan tidak puas hati kepada mereka yang berbeza dengan kita. Sebagai contoh Tahun baru Cina disambut dengan mainan mercun, Thaipusam pula disambut dengan budaya memecahkan buah kelapa dan sebagainya.

Berprasangka buruk

Berprasangka buruk adalah suatu sifat yang sangat dikeji oleh Allah S.W.T kerana boleh mendatangkan pergaduhan dan permusuhan. Sebagaimana firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللِّقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۝

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh Jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh Jadi yang direndahkan itu lebih baik. dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan Barangsiapa yang tidak bertaubat, Maka mereka Itulah orang-orang yang zalim.” (al-Hujurat 49: 11).

Menurut Al-Maraghi (1946) ayat tersebut secara terang menunjukkan tegahan mengolok sesama manusia dengan cara menyebut kekurangan dan kecacatan yang ada padanya. Disebabkan olokan tersebut menyebabkan orang lain akan turut tertawa dengan ejekan tersebut. Ejekan dan olokan tersebut boleh berlaku dengan cara isyarat mata, bibir, kepala, tangan atau pun berupa perkataan. Secara simboliknya ayat ini merujuk kepada maksud supaya dilarang mengejek diri sendiri namun begitu uslub yang digunakan oleh Allah merujuk kepada saudara kita. Sekiranya melakukan perbuatan dengan cara menghina saudara kita, kelak penderitaan akan terkena kepada diri sendiri disebabkan nanti saudara kita pula yang akan mengejek diri kita (Kementerian Agama, 2011).

Menurut Nazri (2011), ayat ini menyuruh supaya memberi penghormatan yang sewajarnya kepada setiap manusia tanpa mengira agama. Menghormati mereka dalam erti kata tidak boleh mencemoi, mengutuk atau memanggil dengan panggilan yang tidak disukai terhadap orang lain.

Dalam hal ini, sikap berprasangka buruk patut dielakkan kerana ia boleh membawa kepada dendam kesumat yang akan membarah sehingga boleh mencetuskan pergaduhan kaum atau agama. Kebanyakan daripada kita, akan memandang serong dan negatif kepada yang tidak sebangsa dan segama dengan kita walaupun perkara yang dilakukan itu tidak ada negatifnya. Sindrom ini patut dijauhkan kerana situasi ini telah ditunjukkan secara realistik pada zaman Rasulullah sewaktu mentadbir negara Islam pertama di dunia iaitu *Madinah al-munawwarah*. Malah tiada satu pun negara yang telah muncul kemudiannya, mampu mengatasi negara yang diasaskan oleh Rasulullah dalam apa bidang sekalipun.

Kesimpulan

Secara umumnya dapatah disimpulkan bahawa prinsip-prinsip toleransi beragama mesti disemat dan dihayati di dalam jiwa serta dipraktikkan di dalam masyarakat multi-kultural. Pengabaian tentang prinsip-prinsip tersebut akan menimbulkan perkara tidak diingini yang boleh membarah sehingga membawa kepada perbalahan antara kaum yang sukar untuk diharmonikan lagi. Bibit-bibit ke arah berlakunya insiden dan tragedi antara agama yang berbeza patut ditangani lebih awal lagi dengan menjadikan diri bersikap relativiti agama iaitu memandang kepada agama yang berbeza berdasarkan kepada hak dan kebebasan masing-masing. Keharmonian ini telah terbukti pada zaman Rasulullah saw yang menjadi ketua negara di Madinah. Kesemua mereka hidup dengan penuh toleransi tanpa ada unsur syak wasangka walaupun wujudnya perbezaan dari sudut bangsa, agama dan sebagainya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Ahmad Mustaffa al-Maraghi. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Maktabah Mustaffa al-Bab al-Halani.
- Alvin Rabushka. 1973. *Race and Politics in Urban Malaya*. California: Hoover Institution Press, hh. 19-27.
- Abu al-Fida Ismail ibn Katsir Ad-Damsyiqi 1997. *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim*. Juz. VII, Beirut: Darul Fikr.
- Hamka, Hj Abdul Malik. 1980. *Tafsir al-Azhar*. Juz 1. Jakarta: Pustaka Antara
- Institut Tadbiran Awam Negara. 1992. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Gularnic, David g. *Webster's World Dictionary of American Language*. Clevelen and New York: The World Publishing Company. 1959.
- Hawkins, Del I., Roger J., Best dan kenneth A., Coney. 2004. *Consumer Hehavior, USA* : Irwin McGraw-Hill.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2011. *Islam HAM dan Kebebasan Beragama*. Jakarta: INSIST. Kementerian Agama. *Al-Quran dan Tafsirnya*. 2011. Jakarta: Widya Cahaya
- K.G. Tregonning. 1964. *A History of Modern Malaya*. London: Eastern University Press.
- Khairi Ariffin, Mohd Kamal Kamaruddin & Adnan Jusoh. 2000. Perbandingan Pendidikan Cina dan Pendidikan India Era British di Tanah Melayu. *Jurnal Perspektif*. Jil 6 (3), 29-38.
- Leong, H. L. 2003. *Ethnicity and class in Malaysia*. In *Ethnicity in Asia*. London: Routledge Curzon.
- Maraghi, A. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Jilid 1-5. Mesir: Maktabah wa Mathbaah Mustafha al-Babi Al-Halabi wa Auladuh.
- Michael Wazler. 1997. *On Toleration*. New Haven: Yale University Press.

- Muhammad Baltaji Hasan. 1420H/2000M. *Manahijal-Tasri' al-Islami fi al-Qarnal-Thani al-Hijri*. Kaherah: Maktabatal-Balad al-Amn.
- Muhammad al-Qurtubi. 1993. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Bairut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Nazri Muslim et al. 2011. *Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam*. Jurnal Kajian Malaysia. Vol. 29. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ibnu Qayyim. 1990. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-Alamin*. Bairut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Qardhawi, Dr. Yusuf. 1992. *Ghair al-Muslimin fi alMujtama al-Islamiy*. Kairo: Maktabah Wahbah.
- At-Tobari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir. 2001. *Jaami'ul Baayan 'An Ta'wiili Ayil Quran*. Kairo: Maktabah Wahbah.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. 1997. Cet. 14 Darul Fikir: Kuala Lumpur.
- Umar Hashim. 1997. *Toleransi dan Kemerdekaan Beragama dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog dan Kerukunan Antar Agama*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Zaki Badawi. 1982. *Mu'jam Mustalahat al-'Ulum al-Ijtima'iyah*. Beirut: Maktabah Lubunan.